

**TINJAUAN AWAL BANDARAYA ALOR SETAR, KEDAH: DARI
PERSPEKTIF ELEMEN TERAS KERANGKA IDENTITI
WARISAN BANDAR (UHI)**

***PRELIMINARY INSIGHTS INTO ALOR SETAR CITY, KEDAH, THROUGH
THE CORE ELEMENTS OF THE URBAN HERITAGE IDENTITY (UHI)
FRAMEWORK***

**KU MUHAMAD AMIN KU ROSELI, MUHAMAD SOLEHIN FITRY ROSLEY
& NOR ZALINA HARUN**

Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi Selangor

Corresponding author: solehin@ukm.edu.my

Received: 26th August 2025; Accepted: 2nd October 2025

Abstrak

Bandaraya Alor Setar, Kedah, yang berusia hampir tiga abad sejak diasaskan pada 1735, sedang berdepan cabaran mengekalkan identiti warisan di tengah-tengah pembangunan pesat infrastruktur. Walaupun kaya dengan warisan ketara dan tidak ketara yang membentuk identiti masyarakat setempat, tekanan pembangunan berisiko menghakis elemen teras tersebut. Kajian ini mengisi jurang penyelidikan dengan menilai kelangsungan identiti warisan bandar berdasarkan kerangka teori Identiti Warisan Bandar (UHI) yang jarang diaplikasikan secara sistematik dalam konteks bandar bersejarah Malaysia seperti di Bandaraya Alor Setar, Kedah. Pendekatan kaedah kualitatif telah digunakan dengan melibatkan analisis dokumen, lawatan tapak, dan pemetaan lokasi warisan ketara dan tidak ketara. Hasil kajian menghasilkan peta lokasi-lokasi yang mewakili ciri warisan bandar, sekali gus menyediakan asas rujukan bagi perancangan dan pemeliharaan bandar bersejarah secara lebih bersepadu selari dengan plan pembangunan Bandaraya Alor Setar dan juga selari dengan SDG 11 yang mensasarkan kelestarian perbandaran dan masyarakat.

Kata kunci: Identiti warisan bandar (UHI), pemetaan, identiti setempat, pemeliharaan bandar

Abstract

Alor Setar City, Kedah, which is nearly three centuries old since its establishment in 1735, faces challenges in preserving its heritage identity amidst rapid infrastructure development. Despite its richness in tangible and intangible heritage that shapes the local community's identity, development pressures risk eroding these core elements. This study fills a research gap by assessing the sustainability of urban heritage identity based on the Urban Heritage Identity (UHI) framework, which has rarely been systematically applied in the context of historic Malaysian cities such as Alor Setar. A mixed-methods approach involved document analysis, site visits, and tangible and intangible heritage mapping. The findings produced a map of sites representing the characteristics of urban heritage, thereby providing a reference foundation for more integrated planning and conservation of historic cities in line with the development plan of Alor Setar City and SDG 11, which targets sustainable cities and communities

Keywords: Urban Heritage Identity (UHI), mapping, local identity, urban preservation

PENGENALAN

Bandar warisan merupakan sebuah bandar yang mengandungi ciri-ciri warisan sama ada dari aspek warisan ketara (tangible) dan warisan tidak ketara (intangible) yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Negara Malaysia sehingga kini hanya terdapat dua buah bandar sahaja yang telah diiktiraf secara rasmi sebagai bandar warisan bertaraf dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UNESCO) iaitu Bandar Melaka dan Bandar Georgetown (Tanjung Penaga), Pulau Pinang pada 07 Julai 2008 (GTWHI 2019). Faktor penyebab kedua-dua bandar tersebut diiktiraf kerana masih terdapat Nilai Keunggulan Sejagat (OUV) yang tinggi di kedua-dua bandar tersebut iaitu (i) bandar perdagangan pelbagai budaya, (ii) warisan dan tradisi pelbagai budaya, seni bina, budaya, dan (iii) seni bina, budaya, dan seni bandar yang unik (UNESCO 2008). Oleh itu, aspek pemuliharaan dan pemeliharaan ciri-ciri warisan tersebut amat penting dilaksanakan kerana ia mencerminkan identiti sesebuah bandar.

Berpandukan kajian lalu, sejak daripada tahun 1989 sebanyak 12 bandar di Malaysia termasuklah Bandaraya Alor Setar, Kedah telah dikenal pasti berdepan dengan pelbagai ancaman, khususnya berpunca daripada pembangunan urbanisasi yang pesat (Shuhana 2011). Antara contoh yang sering dirujuk, menunjukkan kemusnahan nilai warisan berpunca daripada urbanisasi yang tidak terkawal adalah Pintu Gerbang Kota Tengah. Pintu gerbang ini sebahagian daripada kompleks istana dan sebuah warisan kebudayaan ketara yang dikorbankan bagi pembinaan Wisma Negeri yang siap pada tahun 1973 (Wan Shamsudin Mohd Yusof 1990). Perubahan ini secara tidak langsung mengakibatkan kemusnahan reka bentuk tradisional dan fabrik bandar lama serta menghakis komuniti asal (Nor Zalina & Syahidah Amni 2017) malahan menghakis identiti Alor Setar sebagai sebuah bandaraya warisan.

Malahan, situasi ini menjadi lebih serius kerana sehingga kini Kedah Darul Aman belum mempunyai enakmen khusus pada peringkat negeri bagi pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan, kawasan, serta kebudayaan bernilai warisan berbanding dengan negeri-negeri lain. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang pada peringkat persekutuan seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), instrumen perundangan negeri lazimnya lebih berkesan untuk penjagaan warisan. Hal ini kerana, kerajaan negeri berkeupayaan menggubal dasar, mengurus dan memantau pelaksanaan, serta menyediakan peruntukan khas untuk memelihara dan memulihara butir-butir warisan di negeri masing-masing (PLAN Malaysia 2023).

MATLAMAT KAJIAN

Identiti setempat (place identity) merupakan sebuah tindak balas hubungan yang terhasil daripada emosi dan hubungan individu dengan sesuatu tempat. Hal ini terjadi kerana interaksi masyarakat dengan persekitaran fizikal, sosial budaya, sejarah dan sebagainya (Abdurahiman, Kasthurba & Nuzhat 2024). Perkara ini akan membentuk identiti yang unik bagi masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut. Sekiranya identiti tempat ini tidak dipelihara dan dipulihara ia akan menjejaskan hubungan masyarakat dengan sesuatu tempat. Ini akan menyebabkan kurangnya penghargaan masyarakat terhadap warisan yang ada di sesuatu tempat itu lalu terjadinya pengabaian terhadap faktor yang menyumbang kepada pembentukan identiti tempat tersebut.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti lokasi yang menggambarkan ciri-ciri Bandaraya Alor Setar, Kedah sebagai sebuah bandar warisan berdasarkan elemen teras dalam teori Identiti Warisan Bandar (UHI). Bagi menyokong tujuan tersebut, kajian ini menggunakan kaedah pemetaan untuk membantu pemvisualan ciri-ciri Bandaraya Alor Setar, Kedah sebagai sebuah bandar warisan. Lokasi yang telah dikenal pasti akan diplotkan dalam peta dan ia akan memudahkan pelbagai pihak untuk menggunakannya bagi pelbagai tujuan seperti pemuliharaan dan pemeliharaan ciri-ciri warisan di bandar ini yang menyumbang kepada pembentukan identiti sesebuah bandar warisan.

Pemilihan Bandaraya Alor Setar, Kedah sebagai lokasi kajian kerana bandar ini merupakan sebuah bandar warisan yang telah mencapai usia 290 tahun semenjak ia diasaskan pada tahun 1735 (Muhammad Hassan 2024). Namun begitu, bandar ini kurang bernasib baik apabila sering dilupakan


sebagai salah sebuah bandar warisan di Malaysia meskipun terdapat banyak nilai warisan yang dijumpai di sekitar bandaraya ini. Pada masa yang sama bandar ini sedang bersaing dengan proses urbanisasi yang sedang rancak dijalankan sehingga menyebabkan ciri-ciri bandar warisan di Bandaraya Alor Setar semakin terhakis. Justeru itu, kajian ini menggunakan teori Identiti Warisan Bandar (UHI) sebagai kerangka konsep untuk menyokong kepada objektif kajian yang telah dinyatakan.

IDENTITI WARISAN BANDAR (UHI)

Kajian ini dijalankan berdasarkan Identiti Warisan Bandar (UHI) yang merupakan gabungan daripada dua buah teori iaitu warisan bandar (urban heritage) dan identiti bandar (urban identity) (Phetsuriya & Heath 2021). Kedua-dua teori ini akan digunakan dalam mencari apakah ciri-ciri yang membentuk Identiti Warisan Bandar (UHI) di Bandaraya Alor Setar, Kedah seterusnya menghasilkan keunikan tersendiri di bandar ini.

Warisan bandar (urban heritage) merupakan sumber penting yang menghubungkan masyarakat dengan identiti tempatan (local identity) (Abdurahiman, Kasthurba & Nuzhat 2024) yang diwarisi secara turun - temurun (Phetsuriya & Heath 2021) dan ia merangkumi aspek warisan ketara (tangible heritage) dan warisan tidak ketara (intangible heritage) (UNESCO 2011) seperti bangunan bersejarah, pesta keramaian, seni dan kraf dan sebagainya yang menjadikan sesuatu bandar mempunyai keunikan yang tersendiri berbeza dengan bandar-bandar yang lain.

Manakala identiti bandar (urban identity) merupakan satu konsep untuk memahami bagaimana sesuatu bandar membentuk identiti yang tersendiri yang membezakan sesebuah bandar dengan bandar yang lain. Identiti bandar ini dibentuk berdasarkan dua elemen iaitu fizikal seperti seni bina bangunan, alam semula jadi dan elemen tidak ketara seperti sosial, budaya, ekonomi dan sebagainya (Mansour, Alves & Costa 2023).




Rajah 1. Komponen yang membentuk Identiti Warisan Bandar (UHI)

Sumber: Ku Muhammad Amin (2025)

Hasil daripada kedua-dua teori di atas didapati terdapat ciri keunikan (distinctiveness) yang menyumbang kepada pembentukan identiti sebuah bandar. Keunikan merupakan satu aspek yang membezakan sesuatu bandar dengan bandar yang lain dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan identiti melalui semangat jati diri yang padu bagi masyarakat yang tinggal di sesuatu kawasan (Vignoles, Chrystochoou & Breakwell 2000).

Berdasarkan Harold M. Proshansky (1983) untuk menilai keunikan tersebut, terdapat dua elemen yang dijadikan garis panduan iaitu elemen teras dan elemen dinamik yang membentuk konseptual kepada Identiti Warisan Bandar. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menyentuh elemen teras sebagai panduan untuk menentukan ciri - ciri unik yang terdapat di Bandaraya Alor Setar, Kedah berdasarkan dua faktor utama. Pertama, elemen teras ini terdiri daripada perkara yang bersifat ketara (tangible) yang memudahkan masyarakat untuk menghargai (place attachment) warisan di bandar ini. Kedua, elemen ini merupakan elemen yang menjadi tonggak kepada kewujudan perkara atau aktiviti budaya yang bersifat tidak ketara. Justeru itu, kelestarian elemen teras adalah salah satu pemangkin kewujudan elemen dinamik yang bersifat tidak ketara. Rajah 2 merupakan pengkelasan perkara - perkara yang membentuk keunikan bagi elemen teras berdsarkan kerangka Identiti Warisan Bandar (UHI).




Rajah 2. Elemen keunikan tempatan
 Sumber: El Hosary et al. (2018) & Phetsuriya & Heath (2021)

METODOLOGI KAJIAN

Kawasan kajian

Kajian ini dijalankan di Bandar Alor Setar, Kedah yang merupakan lokasi pusat pemerintahan kerajaan negeri ini semenjak ia diasaskan pada tahun 1735 oleh Sultan Kedah ke – 19 (Muhammad Hassan 2024). Faktor kawasan ini dipilih sebagai pusat pemerintahan yang baharu adalah kerana ia terletak berdekatan dengan tiga batang sungai utama iaitu Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit dan Sungai Raja yang menjadi nadi utama pengangkutan pada zaman dahulu disamping membekalkan sumber bekalan air bersih, sumber makanan dan sebagainya. Faktor bentuk muka bumi yang landai dan tanah pamah memudahkan proses penanaman padi antara faktor bandar ini mampu bertahan sehingga zaman sekarang dan berkembang membentuk sebuah bandar yang mempunyai pelbagai butir warisan selama 290 tahun. Oleh itu kawasan kajian ini dijalankan di Mukim Kota Setar yang mempunyai keluasan 319.1 hektar secara keseluruhannya.



Peta 1. Mukim Kota Setar

Sumber: Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS)

Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif kerana kajian ini tidak bergantung kepada kaedah penomboran (numerical) seperti statistik, matematik dan sebagainya. Hasil penyelidikan dipersembahkan dalam bentuk laporan penceritaan atau andaian tanpa memerlukan sokongan maklumat atau data kuantitatif dalam bentuk nombor berangka atau statistik. Sekiranya ada, ia hanya melibatkan penggunaan pada tahap minimum untuk menyokong penemuan (Berawi 2020).

Terdapat tiga kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini iaitu analisis dokumen, lawatan tapak dan pemetaan. Analisis dokumen adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat awal daripada pengkaji terdahulu berkaitan lokasi kajian seperti huraian berkaitan butiran warisan di lokasi kajian dan sebagainya. Selepas maklumat diperolehi daripada analisis dokumen satu lawatan ke lokasi kajian telah dijalankan untuk mengesahkan semula keadaan semasa lokasi butiran warisan. Proses fotografi juga akan diambil sebagai bukti keadaan semasa butiran warisan yang telah dikenal pasti. Semasa sesi fotografi dijalankan, koordinat tempat juga akan diambil bagi proses akhir dalam kajian ini iaitu menghasilkan pemetaan. Kaedah pemetaan dipilih dalam kajian ini kerana peta merupakan satu medium yang mudah difahami oleh lapisan masyarakat.

Analisis Dokumen

Analisis dokumen dalam kajian ini adalah merujuk kepada sumber bahan ilmiah yang terdiri daripada penulisan oleh pengkaji terdahulu. Sebagai contoh, kajian lepas yang pernah dijalankan di Bandar Chiang Mai, Thailand (Phetsuriya & Heath 2021) untuk mengenal pasti perkara-perkara yang menyumbang kepada pembentukan identiti di bandar tersebut berdasarkan aspek keunikan berdasarkan kefahaman masyarakat setempat. Hasil daripada kajian itu telah membantu pihak berkuasa untuk menjalankan proses pemuliharaan dan pemeliharaan yang mencerminkan identiti tersendiri di bandar itu. Di samping itu, dokumen-dokumen ini adalah rekod utama yang menggambarkan naratif terdahulu disamping dapat menjadi rujukan penyelidikan walaupun isu kesahihan maklumat sejarah dan garis panduan yang berkaitan masih lagi boleh diperdebatkan.

Dalam kajian ini, Rancangan Tempatan Daerah Kota Setar 2035 (Majlis Bandaraya Alor Setar 2020) telah dirujuk untuk mengetahui polisi dan garis panduan rancangan pembangunan yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan di bandaraya ini. Pengkaji juga dapat mengetahui sejauh manakah pengetahuan mereka berkaitan lokasi penting yang melambangkan identiti unik di kawasan kajian dan bagaimanakah usaha yang dilakukan demi memastikan ia tidak terjejas semasa projek pembangunan sedang rancak dijalankan di bandar ini tanpa menjejaskan perkara penting yang menyumbang kepada pembentukan status bandar warisan.

Lawatan Tapak dan Pemetaan

Setelah maklumat disintesis daripada data, lawatan tapak dilakukan bagi mengesahkan maklumat tersebut. Tujuan lawatan tapak dilaksanakan adalah bagi mengetahui lokasi tepat elemen teras dan dapat melihat keadaan semasa perkara tersebut. Kedudukan tersebut juga akan direkodkan dengan menggunakan koordinat untuk kajian ini dan sebagai rujukan oleh pengkaji akan datang. Gambar diambil sebagai rekod keadaan semasa di tempat tersebut. Fotografi ini telah dimasukkan dalam penulisan sebagai bahan untuk menyokong penulisan ini.

Lawatan tapak dijalankan berdasarkan lokasi kajian yang telah ditetapkan dalam metodologi kajian iaitu di Mukim Kota Setar. Lawatan tapak telah dijalankan pada bulan Mei 2025. Lawatan tapak dilakukan pada waktu pagi untuk memudahkan pencarian lokasi yang menyumbang kepada pembentukan identiti unik di kawasan kajian disamping untuk mendapatkan sumber pencahayaan semula jadi demi memastikan gambar yang diambil adalah jelas dan berkualiti. Pada waktu pagi juga pelbagai aktiviti harian masyarakat dapat dilihat secara langsung dilakukan di kawasan kajian seterusnya membantu lagi pemahaman berkaitan elemen teras yang menyumbang kepada pembentukan identiti Bandaraya Alor Setar, Kedah.

Apabila koordinat lokasi elemen teras direkodkan, ia akan ditandakan di peta mengikut tema-tema dalam elemen teras Identiti Warisan Bandar (UHI). Tujuan penandaan mengikut tema untuk menunjukkan secara jelas elemen teras di kawasan kajian. Penghasilan peta bertema ini penting bagi menggambarkan secara tepat kedudukan elemen tersebut bagi tujuan dokumentasi dan rujukan kepada pihak berkuasa tempatan, pelajar dan sebagainya pada masa hadapan. Jadual 1 menerangkan kaedah kutipan data dan sumber data serta kaedah yang diaplikasikan untuk analisis data.

Jadual 1. Metodologi Kajian


Kaedah Kutipan Data	Sumber / Sampel Data	Kaedah Analisis Data
Analisis Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> ● Penulisan ilmiah ● Rancangan Tempatan Daerah 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengenalpasti perkara - perkara yang membentuk keunikan bagi elemen teras berdasarkan teori Identiti Warisan Bandar (UHI). 2. Mengetahui lokasi yang mempunyai ciri - ciri dalam elemen teras berdasarkan teori Identiti Warisan Bandar (UHI).
Lawatan Tapak	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemerhatian ● Fotografi 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengesahkan lokasi ciri - ciri unik bagi elemen teras di kawasan kajian. 2. Mengambil gambar keadaan semasa ciri - ciri elemen teras dengan kamera sebagai bukti kewujudan di lokasi tersebut. 3. Memplotkan lokasi butir tersebut dengan menggunakan aplikasi 'GPS'.
Pemetaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemerhatian 	Mempamerkan semua elemen teras yang telah dikenalpasti di dalam peta.

Sumber: Ku Muhammad Amin (2025)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian telah mengenalpasti lokasi - lokasi penting yang membentuk identiti Bandaraya Alor Setar, Kedah sebagai salah sebuah bandar warisan di negeri ini hasil daripada metodologi kajian yang dilaksanakan. Elemen teras dalam teori Identiti Warisan Bandar (*UHI*) telah digunakan sebagai parameter untuk mencari lokasi ciri-ciri warisan yang masih lagi kekal dan menggambarkan ciri-ciri dalam elemen tersebut.

Hasil daripada kajian lapangan yang dijalankan dipersembahkan dalam Rajah 3 yang mengandungi bilangan dua buah ciri-ciri yang membentuk elemen teras dalam Identiti Warisan Bandar (*UHI*) iaitu ciri semula jadi dan ciri-ciri buatan manusia secara terperinci.



Rajah 3. Elemen keunikan tempatan
 Sumber: Ku Muhammad Amin (2025)

Daripada rajah di atas, didapati sebanyak lima daripada sepuluh perkara dalam elemen teras dapat dikenalpasti berdasarkan metodologi kajian yang digariskan manakala yang selebihnya tidak boleh menggunakan kaedah yang dicadangkan kerana memerlukan kaedah sampingan seperti pandangan pakar memandangkan terdapat sesetengah perkara sudah tidak bersesuaian dengan konteks di Malaysia dan Kedah sendiri.

Sebuah peta berdasarkan ciri-ciri dalam elemen teras Identiti Warisan Bandar (*UHI*) telah diplotkan untuk menggambarkan secara keseluruhan lokasi yang menonjolkan keunikan yang terdapat di Bandaraya Alor Setar, Kedah seperti dalam Peta 2 di bawah.



Peta 2: Lokasi elemen teras di Mukim Kota Setar
Sumber: Ku Muhammad Amin. (2025)

Warisan Alam Semula jadi

Lokasi Bandaraya Alor Setar, Kedah yang terletak di kawasan pertembungan antara dua batang sungai iaitu Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit telah menyumbang kepada perkembangan bandar ini dari semasa ke semasa. Ini kerana peranan sungai pada zaman dahulu amat penting kerana ia merupakan laluan perhubungan masyarakat dari kawasan hilir ke hulu dan begitulah sebaliknya. Sungai juga telah

menjadi saksi kepada kewujudan beberapa buah kerajaan antaranya Bandaraya Alor Setar, Kedah itu sendiri.

Sultan Kedah yang ke-19 telah membuat keputusan untuk memindahkan pusat pemerintahan Kedah di Kota Bukit Pinang ke Kota Setar pada 1735. Antara faktor yang menyebabkan perubahan tersebut berlaku kerana baginda sultan tertarik dengan bentuk muka bumi di kawasan itu yang landai dan memudahkan proses penanaman padi dapat dijalankan. Perkara ini telah menjamin rantaian dan keselamatan makanan bagi penduduk sekitar kawasan pusat pentadbiran dan pedagang yang melawat Kota Setar. Kehadiran Sungai Kedah terus bersambung dengan laut Selat Melaka yang merupakan laluan utama pada zaman dahulu telah berjaya menarik perhatian pelayar dan pedagang untuk berlabuh dan menjalankan urusan perniagaan dan sebagainya di pusat pemerintahan itu. Faktor lokasi dan topografi itu sendiri telah berjaya menjamin kelangsungan hidup Kota Setar sebagai pusat pemerintahan Kedah dan ia masih kekal sehingga sekarang selama 290 tahun.

Peranan sungai amat penting pada zaman dahulu di alam Melayu (Nasir 2007). Kebanyakan penempatan perbandaran alam Melayu bermula di pesisir pantai atau sungai memandangkan sungai merupakan mod pengangkutan dan juga menghubungkan kerajaan-kerajaan Melayu dengan dunia luar (Solehin et al. 2017). Menyedari kepentingan tersebut Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II ibni Sultan Abdullah Mu'adzam Shah, Sultan Kedah ke - 19 telah menitahkan agar sebatang sungai dikorek di belakang Kompleks Istana Kota Setar untuk memudahkan baginda serta kerabat DiRaja Kedah ke Hulu ke Hilir untuk melaksanakan pelbagai urusan sama ada berkaitan pentadbiran negeri mahupun urusan seharian (Wan Shamsudin Mohd Yusof 1990). Sungai tersebut masih kekal sehingga sekarang walaupun tidak lagi digunakan sebagai laluan pengangkutan dan kini dikenali sebagai Sungai Raja menunjukkan kegunaan sungai tersebut pada zaman dahulu.

Terdapat lima badan air yang dapat dijumpai di sekitar Bandaraya Alor Setar, Kedah iaitu Sungai Kedah, Sungai Raja, Sungai Anak Bukit, Terusan Wan Muhammad Saman dan yang paling penting sekali iaitu Alor Setar yang telah membentuk identiti tersendiri bagi bandar ini apabila nama bandaraya ini diambil daripada alor tersebut. Walaupun sebahagian alor tersebut kini telah dikambus akibat kesan pembangunan namun begitu sebahagian lagi dipelihara apabila terdapat dibinanya sebuah tugu pada penghujung alor tersebut bagi memperingati asal usul bandar ini.

Terusan Wan Muhammad Saman yang merupakan hasil daripada idea dan usaha Perdana Menteri Kedah pada ketika itu Dato Wan Muhammad Saman mahu Kedah menjadi sebuah negeri pengeluar bekalan utama beras ketika itu. Kini terusan tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai sebuah terusan untuk tujuan pengairan dan pertanian, malah ia juga mencerminkan kebijaksanaan pemimpin dan rakyat negeri Kedah dalam bidang kejuruteraan sehingga terusan tersebut telah menerima beberapa pengiktirafan pada peringkat antarabangsa (Drainage t.th)

Pokok Setar merupakan tumbuhan tempatan yang sepatutnya masih terdapat di kawasan ini kerana nama bandaraya ini diambil daripada nama pokok tersebut. Namun begitu, nasib malang bagi pokok ini apabila ia tidak dipelihara dan dipulihara oleh pihak berkuasa sebagai tumbuhan tempatan yang penting dan ikonik bagi bandar ini. Kedudukan bandar ini yang berdekatan dengan sungai ini juga merupakan habitat bagi ekosistem air tawar.

Landskap kebanyakan yang terdapat di lokasi kajian merupakan landskap buatan manusia. Kebanyakan landskap di kawasan ini adalah dibina di lokasi yang mempunyai kaitan dengan sejarah dan peristiwa yang berlaku di bandar ini. Sebagai contoh, Taman Rekreasi Limbong Kapal dibuat di tebing Sungai Kedah kerana memperingati fungsi tempat tersebut pada zaman dahulu yang merupakan tempat membaiki kapal - kapal dagang yang rosak ketika berlabuh di bandar ini (Wan Shamsudin Mohd Yusof 1990). Pada masa yang sama ia juga melambangkan kebijaksanaan sultan dan pemimpin masyarakat yang menyediakan pelbagai kemudahan lengkap untuk menarik minat pedagang untuk menjalankan aktiviti perniagaan di Bandaraya Alor Setar, Kedah suatu ketika dahulu.

Warisan Binaan Manusia


Berdasarkan Rajah 3 dapat diperhatikan bahawa ciri-ciri buatan manusia merupakan yang paling banyak dijumpai dalam kawasan kajian, Bandaraya Alor Setar, Kedah. Terdapat sebanyak 39 buah bangunan dan 14 mercu tanda dan satu (1) pengangkutan berjaya dikesan manakala ciri-ciri selebihnya mencatatkan angka sifar.

Pengangkutan warisan di kawasan kajian ini hanya dapat dijumpai satu perkara sahaja iaitu keretapi. Keretapi di negeri Kedah mula diperkenalkan pada 1915 (Raja Nafida Raja Shahminan et al. 2024) dan bertahan sehingga kini. Ini disebabkan usaha yang dibuat oleh pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan melakukan perubahan seiring perkembangan teknologi demi memastikan pengangkutan tersebut terus relevan dan dapat digunakan sehingga hari ini walaupun sudah berusia melebihi sepuluh dekad lamanya. Pengangkutan tradisional lain yang pernah digunakan di bandaraya ini suatu ketika dahulu seperti perahu sagor, sampan, lanca, kereta lembu dan sebagainya tidak lagi digunakan dan digantikan dengan pengangkutan moden pada abad ini.

Bangunan merupakan ciri-ciri buatan manusia paling banyak dikesan di kawasan kajian ini. Ini kerana bangunan ini masih lagi digunakan oleh pelbagai pihak untuk pelbagai urusan. Bahan binaannya yang diperbuat daripada batu bata dan konkrit juga merupakan faktor ciri buatan manusia ini dapat bertahan sehingga sekarang. Sebagai contoh rumah kedai yang dibina sekitar tahun 1920 - an di Pekan Melayu dan Pekan Cina masih lagi digunakan untuk kegunaan perniagaan manakala bangunan yang terletak di sekitar pusat pentadbiran negeri masih lagi digunakan untuk tujuan yang sama dan dikekalkan reka bentuk bangunan seperti asal walaupun berlaku perubahan jabatan kerajaan yang mendiami bangunan itu. Sebagai contoh, Balai Seni yang kini berfungsi menghimpunkan hasil bakat seni anak Kedah dahulunya merupakan sebuah mahkamah.

Bagi bangunan yang mempunyai sejarah penting bagi bandar ini seperti Kompleks Istana Kota Setar, bangunan tersebut dijadikan sebuah Muzium Diraja Kedah yang menyimpan pelbagai koleksi artifak dan kisah keluarga Diraja Kedah yang merupakan salah sebuah monarki tertua di dunia. Usaha untuk menjadikan bangunan tersebut sebagai muzium merupakan sebuah langkah yang tepat kerana ia akan menonjolkan kepentingan hubungan antara pemerintah dengan rakyat jelata untuk pembentukan sebuah kerajaan.

Bangunan Balai Besar yang merupakan salah sebuah bangunan yang membentuk Kompleks Istana Kota Setar masih lagi dikekalkan reka bentuk yang asal seperti pada awal pembukaan pusat pemerintahan Kota Setar. Sehingga kini pelancong atau sesiapa sahaja yang melawati bandar ini masih dapat melihat dengan jelas seni bina dan ukiran serta reka bentuk bangunan ini yang penuh dengan falsafah pembinaannya sinonim dengan imej Bandaraya Alor Setar sebagai sebuah bandar warisan berusia 290 tahun seperti dapat dilihat dalam Rajah 4 di bawah.



Rajah 4. Gambar lokasi elemen teras di Bandaraya Alor Setar, Kedah
 Sumber: Ku Muhammad Amin (2025)

KESIMPULAN

Bandaraya Alor Setar, Kedah merupakan sebuah bandar yang berpotensi untuk diangkat sebagai sebuah bandar berstatus bandar warisan pada peringkat nasional sesuai dengan usianya yang telah mencapai usia 290 tahun disamping berdasarkan kriteria - kriteria yang terdapat dalam kerangka Identiti Warisan bandar (UHI).

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan berdasarkan elemen teras dalam kerangka tersebut, didapati warisan binaan manusia yang terdiri daripada bangunan, mercu tanda dan pengangkutan paling banyak dapat dijumpai di bandar ini. Ini kerana kebanyakan perkara tersebut masih lagi digunakan sehingga hari ini walaupun berlaku perubahan fungsi asal. Perkara ini secara tidak langsung dapat memanjangkan hayat sesuatu binaan walaupun telah berusia melebihi 100 tahun. Bagi warisan alam semula jadi, elemen badan air dan landskap masih lagi dapat dilihat di sekitar Bandaraya Alor Setar. Terdapat sebanyak lima badan air yang masih memainkan memberikan sumbangan kepada masyarakat awam walaupun zaman sudah berubah kerana salah sebuah daripada badan air tersebut amat penting kepada pembentukan nama Bandaraya Alor Setar itu sendiri.

Peta bertema (thematic map) yang dihasilkan menggunakan kerangka Identiti Warisan Bandar (UHI) akan memberikan panduan kepada pihak berautoriti seperti perancang bandar, pihak berkuasa tempatan dan seumpama dengannya untuk merancang pelan pembangunan secara lestari tanpa mengganggu butir - butir warisan yang mengandungi imej setempat dan menonjolkan identiti yang unik bagi Bandaraya Alor Setar, Kedah Darul Aman.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2023-040) dan Universiti Kebangsaan Malaysia atas kemudahan pembiayaan yang disediakan sepanjang kajian.

RUJUKAN

- Abdurahiman, S., Kasthurba, A.K. & Nuzhat, A. 2024. Assessing the socio-cultural impact of urban revitalisation using Relative Positive Impact Index (RPII). *Built Heritage* 8(1).
- Berawi, F.M. 2020. *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Penerbit UUM.:
- Drainage, I.C. on I. (n.d.). Wan Mat Saman Canal. https://icid-ciid.org/award/his_details/123 [9 September 2025].
- George Town World Heritage Incorporated. 2019. TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO GEORGE TOWN. <https://gtwhi.com.my/ms/mengenai-kami/tapak-warisan-dunia-unesco-george-town> [21 Julai 2025].
- Harold M. Proshansky, A.K.F. and R.K. 1983. Place-Identity: Physical World Socialization Of The Self. *Journal of Environmental Psychology* 3(1): 57–83.
- Majlis Bandaraya Alor Setar. 2020. Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Alor Setar 2035.
- Mansour, H.M., Alves, F.B. & Costa, A.R. da. 2023. The Challenges in Understanding Urban Identity. *U.Porto Journal of Engineering* 9(2): 114–131.
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad. 2024. *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. I. Bakar (Pnyt.) hlm. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Nasir, A.H. 2007. *Lembangan Sungai dalam Peradaban Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Nor Zalina, H. & Syahidah amni, M. 2017. Isu dan perkembangan kajian analisa morfologi bandar di Malaysia. *Seminar Antarabangsa ke-6, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*(November): 14.
- Phetsuriya, N. & Heath, T. 2021. Defining the distinctiveness of urban heritage identity: Chiang mai old city, Thailand. *Social Sciences* 10(3).
- (PLANMalaysia), J.P.B.& D. 2023. *Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan dan Bangunan Warisan (PeWARIS)*.
- Raja Nafida Raja Shahminan, Gurupiah Mursib, Fadlina Ahmad @ Taufik, Ra'alah Mohamad, Nooraslinda Abdul Rahman, N.K.& N.I.I. 2024. *Warisan Seni Bina Stesen Keretapi di Tanah Melayu*. Penerbit UTM Press.:
- Shuhana, S. 2011. *Townscape Revisited: Unravelling the Characyer of The Historic Townscape in Malaysia*. Second Pri. Penerbit UTM Press: Johor Bahru.
- UNESCO. 2011. Recommendation on the Historic Urban Landscape. Paris, 10 November 2011(November): 68–70.
- UNESCO World Heritage Centre. 2008. Melaka and George Town, Historic Cities of the Straits of Malacca. <https://whc.unesco.org/en/list/1223> [21 Julai 2025].
- Vignoles, V.L., Chrysochoou, X. & Breakwell, G.M. 2000. The distinctiveness principle: Identity, meaning, and the bounds of cultural relativity. *Personality and Social Psychology Review* 4(4): 337–354.
- Wan Shamsudin Mohd Yusof. 1990. *Alor Setar 250 Tahun*. Lembaga Muzium Negeri Kedah.